

# Cabaran Umat Islam Menghadapi Hadis Palsu di Era Globalisasi

Oleh:  
Dr. Mohd Khafidz bin Soroni  
Panel Penulis Pakar  
Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

## Pendahuluan

Sejak kurun pertama Hijrah sehingga era teknologi komunikasi dan maklumat kini, hadis palsu masih terus tersebar dalam kalangan masyarakat Islam. Walhal Nabi SAW telah melarang dan memberi ancaman berat ke atas orang yang mereka-reka dan menyebarkan hadis palsu. Sabda baginda SAW:

مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

Terjemahan: "*Barang siapa yang berdusta ke atasku dengan sengaja, maka hendaklah ia mengambil tempat duduknya daripada api neraka*". (HR al-Bukhari dan Muslim)

Hal ini disebabkan antaranya, sikap tidak acuh atau tidak mengambil peduli tentang kepentingan menyemak status hadis dan juga kerana jahil tentang disiplin ilmu hadis serta hukum hakam yang berkaitan dengannya, seperti hukum menyebarkan hadis palsu. Sedangkan para ulama bersepakat bahawa hadis palsu adalah haram disampaikan dan disebarkan secara sengaja.

## Cabaran Dan Pengawalan Hadis Palsu

Penyebaran dan penggunaan hadis palsu hakikatnya sudah berlaku sejak dari awal perkembangan pengajian Islam. Maka, menjadi tugas dan tanggungjawab para ulama, terutama para pakar ilmu hadis untuk membendungnya dari terus berkembang dan berleluasa. Penyebaran hadis palsu yang tidak terkawal boleh menyumbang kepada masalah ummah serta mengugat ketulenan ajaran Islam. Namun, sekiranya dapat diawasi dan dipantau secara terkawal, ia tidaklah begitu membimbangkan. Dalam menghadapi cabaran penyebaran hadis palsu di era globalisasi ini, beberapa langkah bagi mengatasinya wajar diberi perhatian;

1. Para penuntut ilmu perlu merujuk kepada ulama yang ahli dalam bidang hadis kerana setiap bidang ilmu itu mesti dirujuk kepada ahlinya yang lebih mengetahui tentang segenap inci perbahasannya. Tanpa melibatkan isu perselisihan tentang hukum hadis, mengenal pasti hadis yang disepakati sebagai palsu oleh semua ulama hadis adalah penting, terutama bagi pihak berkuasa agama yang bertanggungjawab memelihara akidah, amal ibadat dan hal ehwal umat Islam. Hadis-hadis yang telah disepakati palsu atau dinilai palsu oleh ulama hadis tanpa ada sebarang bantahan, hendaklah diterima sebagai satu keputusan penilaian yang muktamad.

2. Para pembimbing atau pendakwah perlu menggunakan kitab-kitab hadis yang kedudukannya lebih muktabar, seperti; kitab *al-Adab al-Mufrad* oleh al-Bukhari, *Mukhtasar Ibn Abi Jamrah*, *Jawahir al-Bukhari*, *as-Syama'il al-Muhammadiyah*, *Riyadhus Salihin*, *al-Arba'in an-Nawawiyah*, *al-Azkar*, *Bulugh al-Maram*, *Muntakhab al-Ahadith*, *Bahr al-Mazi* dan lain-lain. Berbanding kitab-kitab hadis yang tidak muktabar, seperti kitab *Mukhtar al-Ahadith*, *Lubab al-Hadith*, *al-Isti'dad li-Yawm al-Ma'ad*, *Daqa'iq al-Akhbar fi Zikr al-Jannah wa al-Nar*, *Durrah an-Nasihin* dan lain-lain. Perlu diketahui bahawa di antara hak-hak baginda Nabi SAW yang perlu kita tunaikan ialah membersihkan hadis-hadis baginda SAW daripada sebarang pendustaan dan pemalsuan. Maka, hak baginda SAW itu semestinya lebih diutamakan dan didahulukan berbanding hak orang lain.

3. Para penulis perlu menerangkan tentang sumber asal dan status sesuatu hadis berdasarkan penilaian ulama hadis muktabar. Jika pada masa lalu, sebahagian penulis mungkin berkeuzuran disebabkan sumber-sumber rujukan yang terbatas. Namun, kini kitab-kitab hadis telah dicetak dan dipasarkan secara meluas. Kitab-kitab ini mudah diperolehi, bahkan dengan kecanggihan teknologi komunikasi serta kepantasan perkongsian maklumat melalui media sosial di era globalisasi, kitab-kitab hadis semakin mudah diperolehi, sama ada dalam bentuk elektronik, digital mahupun aplikasi. Jelasnya, kita kini mempunyai semua keperluan yang ada untuk memastikan sumber dan status sesuatu hadis. Justeru, tiada sebarang keuzuran sewajarnya jika kita terus menyebarkan hadis-hadis palsu yang direka oleh para pendusta atau pemalsu hadis. Dengan menjelaskan kedudukan atau status setiap hadis ini, maka penyebaran hadis palsu akan dapat dikawal dan dipantau secara lebih efektif.

## **Kesimpulan**

Umat Islam perlu sentiasa bersifat cakna terhadap hadis Nabi SAW yang merupakan sumber kedua terpenting selepas al-Quran al-Karim. Mereka perlu mempunyai kefahaman jelas tentang kepentingan disiplin hadis dan berusaha mempelajarinya agar dapat mengenal pasti dan membezakan antara hadis-hadis yang sahih dan yang tidak sahih. Para pendakwah dan penceramah juga perlu mengelakkan diri dari menyampaikan riwayat-riwayat yang palsu kepada masyarakat. Ini kerana apa yang disampaikan biasanya akan menjadi pegangan atau amalan buat mereka. Perlu diingat bahawa setiap ilmu itu ada pakar-pakarnya, maka rujukkanlah setiap ilmu itu kepada ahlinya. Semoga Allah SWT memberikan hidayah, rahmat dan inayah-Nya buat kita semua serta syafaat Nabi-Nya SAW di hari Akhirat kelak. Wassalam.